

INPUT PENTING
AKTA ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA 1951 (AKTA 221)

1. Tambahan 22 seksyen baru dan 1 Jadual daripada 9 seksyen asal. Keseluruhan terdapat 31 seksyen dan 1 Jadual.
2. Akta bagi penubuhan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia yang terdiri daripada Anggota Tetap, Anggota Sukarela dan Anggota Bantuan.
3. Peruntukan yang menukar gelaran ketua perkhidmatan APM daripada Ketua Pengarah kepada Ketua Pesuruhjaya dan timbalannya sebagai Timbalan Ketua Pesuruhjaya.
4. Tafsiran yang jelas mengenai ‘pertahanan awam’ dan peranannya dalam pengurusan bencana dan ancaman peperangan daripada peringkat perancangan sehingga langkah-langkah pasca bencana mencakupi:-
 - i) Pencegahan bahaya atau ancaman;
 - ii) Peredaan dan pengurangan risiko dan bahaya;
 - iii) Pembangunan kapasiti;
 - iv) Persediaan menangani bencana;
 - v) Tindak balas kepada kejadian bencana;
 - vi) Evakuasi (pengungsian), menyelamat dan bantuan kemanusiaan; dan
 - vii) Pemulihan dan pembangunan semula.
5. Akta pindaan memperjelaskan fungsi dan peranan APM berbanding Akta lama yang bersifat umum.
6. Digariskan 21 fungsi dan peranan APM meliputi fungsi sebelum, semasa dan selepas bencana (Seksyen 4B). Antara fungsi dan peranan APM meliputi:-
 - i) melaksana kerja-kerja pengurusan bencana;

- ii) melaksana khidmat kemanusiaan;
- iii) melatih dan melengkapkan orang awam dengan aspek pertahanan awam;
- iv) melatih aspek pertahanan awam kepada agensi lain;
- v) mengambil alih, membeli dan menyewa tanah, harta, sumber dan barang bagi kegunaan pertahanan awam;
- vi) menasihati Menteri perkara berkaitan pertahanan awam;
- vii) mengenalpasti bahaya dan risiko yang boleh mengancam nyawa;
- viii) melatih orang awam bagi membantu tugas pertahanan awam;
- ix) menasihati dan memaklumkan orang awam berhubung pertahanan awam;
- x) menyelamat dan memindahkan mangsa ke tempat selamat;
- xi) mendiri dan menyediakan pos bantuan kecemasan dan perubatan;
- xii) membantu pihak berkuasa awam dalam kebajikan dan kemudahan;
- xiii) membantu pihak berkuasa awam menyempurnakan mayat mangsa dalam masa bencana;
- xiv) membantu pihak berkuasa awam melaksana kerja pembersihan dan pemulihan infrastruktur;
- xv) membantu pihak berkuasa awam melaksana kerja pemberian kemudahan utiliti awam dan aset kerajaan;
- xvi) mengawal dan mengkoordinasi pengagihan air bersih dan bekalan penting lain;
- xvii) menyedia, mengawal dan mengoperasi peralatan khusus amaran awam;
- xviii) mengurus pusat perlindungan awam;
- xix) menyedia dan melaksana perkhidmatan ambulans;
- xx) mengambil langkah-langkah yang sah melindungi nyawa dan harta benda semasa kebakaran termasuk menyediakan anggota bomba tambahan; dan
- xxi) melaksana lain-lain tugas yang ditetapkan.

7. Menjelaskan fungsi Menteri, fungsi Ketua Pesuruhjaya dan kuasa-kuasa anggota APM dalam pelaksanaan tugas.

8. Peruntukan Akta yang dikenakan meliputi:-
- i) Yang di-Pertuan Agong melantik Ketua Pesuruhjaya dan pegawai-pegawai APM (Seksyen 4);
 - ii) Ketua Pesuruhjaya membuat peraturan bagi Angkatan (Seksyen 5);
 - iii) Anggota Angkatan sebagai pekhidmat awam (Seksyen 6);
 - iv) Yang di-Pertuan Agong membuat pengisytiharan darurat dan memanggil berkhidmat anggota Angkatan (Seksyen 7); dan
 - v) Ketua Pesuruhjaya mengarahkan anggota Angkatan untuk melaksanakan kerja-kerja bantuan dan pemulihan (Seksyen 8).
9. Peruntukan seksyen baru yang lain meliputi:-
- i) Angkatan berkhidmat di luar negara;
 - ii) penubuhan Kor Kadet Pertahanan Awam bagi sekolah menengah hingga institusi pengajian tinggi;
 - iii) perlindungan daripada tindakan perundangan dan pendakwaan;
 - iv) anggota tidak boleh gagal untuk berkhidmat, berhenti atau bersara ketika pengisytiharan darurat oleh Yang di-Pertuan Agong;
 - v) perlindungan daripada pembuangan kerja oleh majikan semasa perkhidmatan dalam masa darurat;
 - vi) Menteri mengarah dan menetapkan latihan kepada orang awam;
 - vii) Jadual pangkat Angkatan dan kuasa Menteri untuk meminda Jadual;
 - viii) Tauliah Kehormat dan Bersekutu;
 - ix) kesalahan penyamaran sebagai anggota Angkatan; dan
 - x) senarai pangkat dalam Angkatan.